

HIMPUNAN ARTIKEL TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI: ASAS, ISU DAN GAYA TEKNOLOGI

Artikel-artikel ini pernah diterbitkan di ruangan Megabait, Sains dan Teknologi, akhbar Utusan Malaysia dan blog, universitimengkarakk.blogspot.com.

FIRKHAN ALI BIN HAMID ALI

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	iii
Dedikasi	v
Prakata	vii
Pengenalan	ix
Artikel 1 - Implementasi E-Pembelajaran Secara Mudah dan Percuma	1-4
Artikel 2 - Web Blog : Budaya Siber Kini	5-8
Artikel 3 - Tragedi Perbankan Internet	9-13
Artikel 4 - Pengkomputeran Maya: Dimensi Baru Infrastruktur Teknologi Maklumat	15-18
Artikel 5 - Panduan Pencegahan Virus Komputer yang Tulen	19-24
Artikel 6 - Panduan Menangani Sisi Gelap Laman Web Sosial.	25-28
Artikel 7 - Cecacing Conficker: Kenali Musuh Siber Anda	29-33
Artikel 8 - Teknologi Pengkomputeran Kepulan: Fleksibiliti Infrastruktur IT	35-40
Artikel 9 - Panduan Penggunaan Internet Secara Selamat	41-44
Artikel 10 - Pengalamatan IP: Pengenalan Diri di Internet	45-49
Bibliografi	50-52
Indeks	75-78

DEDIKASI

Syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan nikmat-Nya, maka buku ini dapat disiapkan.

Buat bonda yang tercinta, Rahmah Talib.

Buat isteri dan anak-anak tersayang, Norsalina Monhadi, Fatimah Insyirah, Muhammad Al-Fatih, Muhammad Al Ameen.

PRAKATA

Terima kasih di atas ruang dan peluang yang disediakan oleh pihak pengurusan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) secara umumnya dan pihak pengurusan Fakulti Teknologi Maklumat dan Multimedia secara khususnya dalam pengkaryaan ilmiah ini. Terima kasih kepada semua warga Penerbit UTHM di atas proses pengurusan dan tunjuk ajar dalam usaha menerbitkan karya ilmiah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Utusan Malaysia kerana sudah menerbitkan beberapa artikel dalam buku ini dalam ruangan Megabait dan Sains dan Teknologi. Juga, kepada Blogspot kerana menyediakan ruang untuk menerbitkan beberapa artikel dalam buku ini di *universitimengkarakk.blogspot.com*.

Terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dan pelajar-pelajar yang banyak berkomunikasi dan berbincang berkenaan perkara-perkara dan isu-isu dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Terima kasih juga diungkapkan untuk semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan usaha pengkaryaan ini.

Akhir kata, semoga pengkaryaan ilmiah ini mendapat sokongan daripada banyak pihak dan dapat menggalakkan lagi perkembangan ilmu Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Malaysia.

PENGENALAN

Hari ini, Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau lebih dikenali sebagai ICT menjadi sebahagian budaya kerja dan kehidupan dalam masyarakat Malaysia. Ianya tidak eksklusif kepada mana-mana pihak yang tertentu. Buta huruf digantikan dengan buta ICT sekiranya kita tidak berupaya untuk mengendalikan aplikasi ICT.

Namun begitu, perkembangan teknologi ini sangat cepat sehinggakan baru sahaja kita memperkenalkan sesuatu teknologi baru, telah datang teknologi yang baru. Sebagai contoh, sebelum ini diwar-warkan berkenaan dengan teknologi pengkomputeran grid tetapi sebelum teknologi ini matang untuk digunakan di pasaran, telah ada teknologi baru yang dikenali sebagai teknologi pengkomputeran kepulan yang kini telah memasuki pasaran komersial. Namun begitu, setiap teknologi dan isu dalam ICT, kebanyakannya berkait dan terlibat secara langsung atau tidak langsung di antara satu sama lain.

Buku ini mengandungi beberapa artikel ilmiah yang membincangkan perkara asas, isu dan teknologi baru dalam ICT seperti e-pembelajaran, virus, pengkomputeran maya, internet, keselamatan ICT, pengkomputeran kepulan dan sebagainya.

